

Bendung budaya samseng cemar imej bola sepak

Beberapa kejadian pergaduhan dan provokasi melampau dalam kancan bola sepak tempatan baru-baru ini cukup merisaukan dan dilihat mencemarkan imej dan nama baik sukan popular itu.

Tindakan segelintir penyokong pasukan Johor Darul Ta'Zim (JDT) yang bertindak mengempung Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin sehingga pasukan Pahang terpaksa berkurung lebih dua jam dalam stadium selepas perlawanan separuh akhir pertama Piala FA misalnya cukup mengecewakan dan tidak sewajarnya berlaku.

Malah Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) yang juga Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim juga dilaporkan kecewa dengan tindakan penyokong terbabit dan menasihatkan penyokong JDT sentiasa mengamalkan sikap berhemah.

Mentaliti segelintir penyokong tak matang

Pergaduhan dan ketegangan yang berlaku di Johor dan juga Pahang yang pernah berlaku sebelum ini juga mencerminkan betapa mentaliti segelintir penyokong bola sepak tanah air yang tidak matang dan profesional. Provokasi melampau yang membawa kepada ketegangan dan kekacauan akhirnya mence-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my.

tuskan pergaduhan. Apakah ini mentaliti penyokong bola sepak tempatan? Adakah sikap sebegini mampu membantu membangunkan dan memajukan mutu dan kualiti bola sepak negara kita?

Ketika semua pihak terutama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berusaha merangka pelan pembangunan bola sepak negara, timbul pula situasi kekecohan seperti ini. Lebih malang ia sudah kelihatan seperti satu *trend* dan *virus* yang mula menular dan berjangkit dari stadium ke stadium.

Walaupun kelompok samseng



Provokasi dilakukan segelintir penyokong dianggap kurang matang, boleh jejas imej bola sepak tempatan.

[GAMBAR HIASAN]

bola sepak ini tidak mewakili keseluruhan peminat bola sepak tempatan yang masih berdisiplin dan menghormati undang-undang, gelagat segelintir individu ini jelas merencatkan keseronokan menikmati perlawanan bola sepak secara keseluruhannya. Kesannya peminat tegar mula rasa risau, trauma dan fobia untuk ke stadium.

Jejas imej bola sepak

Justeru kita berharap pihak FAM, KBS, polis dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertindak lebih tegas dan serius dalam membendung gejala samseng bola sepak ini yang jelas bukan budaya kita dan ia turut menjejaskan imej bola sepak. Malah juga mengancam keselamatan rakyat serta membawa kemusnahan dan kerosakan kepada harta benda awam.

Hal ini penting kerana jika dibiarkan penulis percaya budaya samseng ini akan menjadi trend dan ikutan yang cukup membahayakan semua pihak. Akhirnya kita khuatir peminat bola sepak tempatan mengambil langkah untuk tidak lagi pergi ke stadium. Ini kerana sudah semestinya mereka memikirkan keselamatan diri.

Menonton perlawanan bola sepak di stadium sewajarnya menjadi detik yang cukup menye-

ronokkan di samping membuka ruang dan kesempatan kepada kita untuk menghabiskan masa dengan ahli keluarga secara bersama sambil menyokong pasukan pilihan masing-masing.

Melihat kepada *trend* seperti ini yang jelas mengancam keselamatan semua pihak, sudah semestinya hasrat itu bakal terjejas. Ini bukan sahaja bakal merugikan pihak persatuan bola sepak negeri dan pengurusan stadium, malah dalam konteks yang lebih meluas lagi bakal merugikan proses pembangunan bola sepak negara.

Dalam hal ini di samping kita menggunakan undang-undang untuk membendung budaya samseng seperti ini elok juga pihak FAM dan KBS berfikir selangkah ke hadapan iaitu mencari jawapan kepada persoalan kenapa ada penyokong yang sanggup menggunakan kekerasan dalam bentuk provokasi dan pergaduhan dalam sesuatu perlawanan bola sepak.

Apakah ia hasil tindak balas kerana tidak berpuas hati dengan kekalahan pasukan masing-masing semata-mata ataupun ada faktor lain yang lebih mendorong mereka untuk bertindak seperti samseng. Misalnya adakah ia ada kaitan dengan rungutan dan desas desus

yang sering kedengaran iaitu membabitkan mutu pengadilan yang mana penonton bertindak melemparkan geram kerana tidak puas hati dengan keputusan pengadil yang mengadili sesuatu perlawanan.

Di samping itu apakah ada kemungkinan ada pihak tidak bertanggungjawab yang sengaja mengambil kesempatan untuk mencetuskan huru hara dengan mengupah samseng untuk mencetuskan provokasi mahupun pergaduhan. Kemungkinan ini juga wajar dipandang serius kerana bagi sesetengah individu, bola sepak bukan sahaja sukan semata-mata tetapi juga menjadi punca pendapatan misalnya membabitkan elemen bookie, judi dan rasuah di samping aspek maruah dan imej.

Apapun kita berharap mentaliti penyokong kita cepat berubah. Janganlah cepat melenting mahupun marah apabila pasukan kita mengalami kekalahan atau tidak menunjukkan prestasi yang kita harapkan. Jangan biarkan budaya samseng menghancurkan dan mencemarkan sukan bola sepak kita.

Noor Mohamad Shakil Hameed
Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Putra Malaysia